

13 OCT 1997

Menembak

22 NEGARA SAH SERTAI LACOS 1997

LANGKAWI, 13 Okt (Bernama) -- Sebanyak 22 negara membabitkan 374 penembak setakat ini mengesahkan penyertaan mereka pada Kejohanan Menembak Negara-negara Komanwel Kedua (LACOS 1997) di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi (LISRAM) di sini mulai 17 hingga 29 November ini.

Pengerusi Jawatankuasa penganjur bersama LACOS 1997 Abdul Rahman Ariffin berkata Maldives dengan dua penembak merupakan negara terakhir membuat pengesahan penyertaan menerusi urusetia kejohanan di Kuala Lumpur semalam.

Negara-negara lain yang mengesahkan penyertaan mereka ialah Australia (juara bertahan), England, New Zealand, Bangladesh, Kanada, Wales, India dan Malaysia, sebagai tuan rumah.

Jumlah itu mengatasi kejohanan pertama di New Delhi dua tahun lepas dengan 17 negara sahaja, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengelola LACOS 1997 di LISRAM di sini hari ini.

"Kita menjangka sebanyak 40 negara membabitkan 600 penembak menyertai kejohanan itu," jkatanya.

Beliau berkata, negara-negara yang berminat mengambil bahagian masih mempunyai masa untuk memberi jawapan kerana tarikh tutup penyertaan ialah pada 15 Okt ini.

LACOS 1997 menjadi tumpuan negara-negara luar kerana para penembak mereka berpeluang menyesuaikan diri sebagai persediaan menghadapi sukan Komanwel (SUKOM 1998) di mana Langkawi akan menjadi gelanggang bagi acara menembak, katanya.

Beliau berkata, sebanyak 15 acara akan dipertandingkan, 10 daripadanya acara lelaki dan bakinya wanita. Ia dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan sebuah syarikat swasta.

Menurutnya LOCAS 1997 mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Menembak Antarabangsa. LISRAM lapang sasaran terbaik di dunia berharga RM80 juta, dilengkapi sistem pemarkahan dan kemudahan canggih.

"Inilah penghormatan yang diberi kepada Malaysia untuk menganjurkan LACOS 1997 sebagai satu acara terbesar dirantau ini", katanya

Kejohanan itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

ZI NH WAT